

Malay Transcript:

Pewawancara: Boleh memberitahu kami sedikit tentang masalah-masalah yang kamu hadapi sebagai seorang pelajar di sekolah menengah?

Diwawancara: Sebenarnya di sekolah menengah saya, saya merupakan seorang pengawas¹ dan saya telah melihat banyak masalah yang berlaku di sekolah saya. Walaupun ada beberapa pelajar yang mempunyai hati yang mulia di sekolah saya, ada beberapa pelajar juga yang bermasalah di sekolah saya. Antara gejala-gejala yang mereka melibatkan diri dalam mereka um.. dalam kehidupan mereka ialah mereka merokok ataupun mereka ponteng sekolah. Beberapa um.. daripada mereka juga um.. pergi ke kelab-kelab pada malam yang lewat dan tidak pulang hingga tiga dalam.. tiga pagi. Walaupun pelajar-pelajar seperti ini sedikit sukar untuk dikawal, mereka mempunyai orang yang.. juga seorang yang baiklah. Um.. Walaubagaimanapun, um.. di sekolah, kita juga menghadapi masalah dengan pelajar membawa telefon bimbit di sekolah kerana di sekolah saya, telefon bimbit merupakan sesuatu yang dilarang untuk dibawa ke sekolah. Walaubagaimanapun, ada beberapa pelajar um.. dan mereka mempunyai um.. mempunyai alasan-alasan mereka tersendiri untuk kenapa mereka membawa telefon bimbit tersebut. Kami juga haruslah um.. menangkap mereka dan lain-lain. Sebenarnya, masalah-masalah ini berpunca daripada um.. daripada sikap pelajar yang tidak mahu berubah, sikap pelajar yang tidak mahu um.. mematuhi peraturan di sekolah dan undang-undang. Um.. Kami berasa sebagai pengawas-pengawas di sekolah dan dengan pihak sekolah kita telah berbincang dan kita.. kita telah um.. mencari.. mencari cara-cara yang baru untuk menghadapi masalah ini, cara-cara yang baru untuk menangani masalah ini.. um.

English Translation:

Interviewer: Can you tell us more about the problems you face as a high school student?

Interviewee: As a school prefect², I get to witness a lot of problems that happen in my high school. Even though there are many well-behaved students in my school, there are a few troublemakers. Some examples of the prohibited acts in which they engage in are smoking and playing truant. Some even go out clubbing late at night and don't get home until three in the morning. Although students like these are hard to control, they are also good people. The most rampant problem faced by my school is the bringing of mobile phones to school, which is prohibited. However, a few students will always find an excuse to try and bring their mobile phones to school. As a result, we are forced to catch

¹ Pengawas sekolah merupakan pelajar yang telah dipertanggungjawabkan oleh sekolah untuk memastikan bahawa pelajar lain mengikut undang-undang sekolah.

² School prefects are students who have been appointed by the school to enforce the school rules among their peers.

them. Actually, these problems arise from the attitudes of students who are both unwilling to change and rebellious. The school prefects are currently in discussion with school authorities regarding new ways with which to cope with the bad attitudes of these students.

About CultureTalk: CultureTalk is produced by the Five College Center for the Study of World Languages and housed on the LangMedia Website. The project provides students of language and culture with samples of people talking about their lives in the languages they use every day. The participants in CultureTalk interviews and discussions are of many different ages and walks of life. They are free to express themselves as they wish. The ideas and opinions presented here are those of the participants. Inclusion in CultureTalk does not represent endorsement of these ideas or opinions by the Five College Center for the Study of World Languages, Five Colleges, Incorporated, or any of its member institutions: Amherst College, Hampshire College, Mount Holyoke College, Smith College and the University of Massachusetts at Amherst.

© 2012 Five College Center for the Study of World Languages and Five Colleges, Incorporated